

# HUBUNGAN LUAR KERAJAAN JOHOR DALAM ERA PENTADBIRAN MAHARAJA ABU BAKAR, 1862-1895

Noorilham Ismail, Zulkanain Abdul Rahman,  
Nur Dayana Mohamed Ariffin\*

## Abstrak

Kajian ini menumpukan perbincangan terhadap peranan Maharaja Abu Bakar dalam pembentukan hubungan luar kerajaan Johor sekitar tahun 1862-1895. Objektif utama kajian ini adalah untuk menunjukkan bahawa Maharaja Abu Bakar telah membentuk hubungan luar yang berkesan melalui pembentukan perjanjian persahabatan di samping lawatan diplomatik pada era baginda. Kajian ini mencakupi tempoh masa sekitar tahun 1862 hingga 1895 yang melibatkan hubungan luar kerajaan Johor dengan pihak Britain, Khilafah Uthmaniyyah, kerajaan Hawaii dan negeri-negeri Melayu tertentu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui penyelidikan arkib yang khusus kepada analisis ke atas dokumen primer dari Arkib Negara Malaysia cawangan Johor dan beberapa sumber sokongan dari *The National Archives* di London. Sumber sekunder seperti tesis, artikel jurnal dan buku-buku turut digunakan bagi memperkemas kronologi perbincangan kajian dalam satu naratif perbincangan berdasarkan disiplin bidang sejarah. Hasil kajian ini pada akhirnya mendapati bahawa hubungan luar kerajaan Johor di bawah pentadbiran Maharaja Abu Bakar cukup signifikan bagi meletakkan Johor sebagai wilayah berdaulat serta diiktiraf oleh pihak luar.

**Kata kunci:** Maharaja Abu Bakar, hubungan luar, kerajaan Johor, perjanjian persahabatan, lawatan diplomatik

## Pendahuluan

Dasar luar dalam sebuah kerajaan yang berdaulat merupakan instrumen penting dalam menentukan letak duduk kerajaan tersebut dalam konteks rentas geografi. Melalui hubungan luar yang berkesan ini kemudiannya telah melahirkan pelbagai ikatan perhubungan sama ada melalui perjanjian persahabatan mahupun lawatan diplomatik antara kerajaan terlibat. Lebih signifikan dan menjadi tujuan perbincangan ini apabila persoalan mengenai pembentukan dasar luar turut berjaya diwujudkan oleh seorang pemimpin di Alam Melayu pada penghujung kurun

---

\* Noorilham Ismail ialah Pelajar Ijazah Kedoktoran di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Zulkanain Abdul Rahman, ialah Profesor Madya Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Nur Dayana Mohamed Ariffin ialah Pensyarah Kanan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

ke-19 di Johor iaitu Maharaja Abu Bakar.<sup>1</sup> Baginda telah memainkan peranan penting dalam usaha menyediakan jalinan hubungan luar dengan kerajaan seperti kerajaan British, empayar Khilafah Uthmaniyyah, negeri-negeri Melayu di sekitar kerajaan Johor dan termasuklah kerajaan Hawaii sekitar tahun 1862-1895. Hubungan luar ini terbentuk tatkala Johor berada di tengah-tengah era pemodenan dan pembaratan yang wujud pada tempoh pemerintahan Maharaja Abu Bakar sebagai perintis Sultan Johor dari legasi Temenggung.<sup>2</sup>

Hubungan luar kerajaan Johor yang wujud pada masa itu terhasil apabila kedudukan Maharaja Abu Bakar itu sendiri telahpun diiktiraf oleh kerajaan lain sama ada pihak kerajaan British ataupun oleh raja-raja negeri Melayu. Kerajaan British turut memainkan peranan untuk pengesahan kedudukan Maharaja Abu Bakar sebagai sultan kerajaan Johor pada ketika itu.<sup>3</sup> Pada masa yang sama, Sultan Abdul Hamid II turut memberi pengiktirafan kepada kedudukan Maharaja Abu Bakar sewaktu kunjungan baginda ke Istanbul.<sup>4</sup> Selain itu, isu mengenai tuntutan takhta dengan Sultan Ali yang merupakan waris Sultan Hussein telahpun berjaya diselesaikan selepas konflik antara kedua-dua belah pihak yang berlaku dalam tempoh 1870-an.<sup>5</sup> Apabila perkara ini berjaya diperoleh, maka selayaknya kerajaan Johor membentuk apa-apa hubungan luar kerana pengiktirafan pada seseorang pemimpin dan kerajaan itu penting dalam lanskap dunia politik mahupun diplomatik. Bukan itu sahaja, wakil British di Singapura, iaitu Walter John Napier sebagai wakil gabenor Negeri-Negeri Selat (NNS) turut mengiktiraf kedudukan Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Johor yang sah untuk segala urusan rasmi.<sup>6</sup> Dalam jangka masa panjang, perkara ini merupakan asas penting bagi kesinambungan kerajaan Johor sebagai pemerintahan berdaulat dan merdeka dalam kalangan negeri Melayu secara khususnya.

Dalam dunia Islam misalnya, Abu Nasr al-Farabi (870-951 M) telah menyebutkan bahawa sesebuah hubungan luar merupakan salah satu ciri negara terbaik yang disifatkan oleh beliau sebagai *al-Madinah al-Fadilah* melalui hubungan lingkungan masyarakat sama ada terpisah dari bahagian desa mahupun dengan wilayah lain dalam satu dunia perhubungan yang sama.<sup>7</sup> Bagi Ibn Khaldun (1332-1406 M) pula, hubungan luar sesebuah kerajaan boleh disifatkan sebagai dua bentuk keadaan yang dicirikan dengan keadaan kedamaian dan situasi peperangan.<sup>8</sup> Dalam hal ini, ternyata keupayaan Maharaja Abu Bakar dalam membentuk

- 
- 1 Maharaja Abu Bakar atau Sultan Abu Bakar Ibni Raja Temenggung Tun Ibrahim lahir di Teluk Belanga, Singapura pada 3 Februari 1833 dan mangkat pada 4 Jun 1895. Baginda adalah keturunan dari Temenggung Tun Abdul Jamal dan menduduki takhta sebagai Sultan Johor pada 1862 hingga 1895.
  - 2 A. Rahman Tang Abdullah, Abu Bakar and Modern Johor: The Question of Modernisation and Westernisation in Malay Tradition, *SEJARAH: Journal of the Department of History*, Jil. 16, Bil. 16, 2008, hlm. 59.
  - 3 CO 273/406, M. H. Whitley Memo, 19 Februari 1914, Pulau Pinang: Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia.
  - 4 Abd. Jalil Borham, Pengaruh Khilafah Othmaniyyah Turki dalam Pentadbiran Kerajaan Johor bagi Memartabatkan sebuah Negara Islam Merdeka di Asia Tenggara, Kertas Kerja Ucaptama Simposium Isu-isu Sejarah dan Tamadun Islam (SISTI 2011) Peringkat Kebangsaan di Sudut Wacana ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor pada 8-10 April 2011, hlm. 2.
  - 5 Abdullah Zakaria Ghazali, *Istana dan Politik Johor, 1835-1885*, Johor Bahru: Yayasan Penataran, 1997, hlm. 80.
  - 6 J/SUK 1 S. 93. Surat-surat pelbagai daripada Setiausaha Kerajaan Johor, Letter from W. Napier to Sir Michael F. Hicks, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia cawangan Johor.
  - 7 R. Walzer, *Al-Farabi on The Perfect State: Abu Nasr Al-Farabi's (Mabadi' Ara' Ahl Al-Madina Al-Fadila): A revisited text with Introduction, Translation, and Commentary* by Richard Walzer, London: Oxford University Press, 1985, hlm. 231.
  - 8 Ibn Khaldun, *The Muqaddimah: Abd Ar Rahman bin Muhammed Ibn Khaldun*, Franz Rosenthal (trans.), New York: Routledge, 1967, hlm. 302.

hubungan luar yang baik sememangnya selari dengan teori dan praktikal sebuah kerajaan berdaulat. Tanpa keabsahan sesebuah pemerintahan dan struktur pentadbiran yang sistematik, tidak mungkin sebuah kerajaan itu boleh diiktiraf di samping diberi penghormatan oleh kerajaan lainnya dalam satu hubungan rentas geografi. Tambahan pula, hubungan luar yang wujud sewaktu era pentadbiran Maharaja Abu Bakar ini memberi isyarat penting bahawa kerajaan Johor itu sendiri bukanlah sebuah kerajaan yang mengamalkan dasar tutup pintu ataupun terisolasi dari lanskap politik dunia.

Dari segi kajian terdahulu, sememangnya terdapat pengkaji yang berautoriti telah membincangkan mengenai pemerintahan Maharaja Abu Bakar ataupun perihal kerajaan Johor itu sendiri. Ahmad Fawzi Basri, Abdullah Zakaria Ghazali, Kassim Thukiman, Abdul Rahman Tang, Rahimah Abdul Aziz, Ermy Azziaty Rozali, Abd. Jalil Borham, dan Muhammad Izuan Abdul Rahman. Namun begitu, kajian sebelum ini tidak memfokuskan perhatian mereka seperti yang ingin diolah dalam kajian ini dari segi kepentingan hubungan persahabatan dan lawatan diplomatik yang telah dibentuk oleh Maharaja Abu Bakar. Kajian daripada Fawzi<sup>9</sup> dan A. Rahman Tang<sup>10</sup> lebih menumpukan pada soal pemodenan yang telah dibuat sewaktu era pemerintahan Maharaja Abu Bakar ke atas kerajaan Johor. Perbincangan oleh Rahimah<sup>11</sup> pula lebih kepada soal idea pembaratan yang diterima oleh kerajaan Johor manakala Abdullah Zakaria<sup>12</sup> menumpu kepada analisis politik di bawah pemerintahan Maharaja Abu Bakar dan Izuan<sup>13</sup> lebih kepada peranan baginda sebagai sebahagian dari intelektual kerajaan Johor. Hanya Kassim<sup>14</sup>, Jalil<sup>15</sup> dan Ermy<sup>16</sup> sahaja yang pernah menyentuh soal hubungan luar kerajaan Johor tetapi Kassim memberi perhatian kepada hubungan dengan kerajaan Riau dari 1900 hingga 1941 manakala Ermy dan Jalil memfokuskan hubungan dengan kerajaan Uthmaniyyah. Justeru, kekosongan yang ada ini akan diisi dengan perbincangan yang berikutnya yang akan menjadi fokus utama kajian mengenai peranan Maharaja Abu Bakar dalam membentuk dasar luar bagi kepentingan kerajaan Johor.

## Lanskap Politik Serantau dan Kemunculan Kerajaan Johor Moden

Dalam tempoh kurun ke-19, sememangnya bahagian kepulauan dan tanah besar di rantau ini berada dalam keadaan terdedah dengan pengaruh kuasa Barat. Dua bahagian kawasan ini

- 9 Ahmad Fawzi Basri, *Johor 1855-1917: Pentadbiran dan Perkembangannya*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1988.
- 10 A. Rahman Tang Abdullah, *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar: Kajian, Transliterasi dan Terjemahan Bahasa Inggeris*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 2011.
- 11 Rahimah Abdul Aziz, *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945): Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*, Kuala Lumpur: Dewan dan Bahasa Pustaka, 1997
- 12 Abdullah Zakaria Ghazali, *Istana dan Politik Johor, 1835-1885*, Johor Bahru: Yayasan Penataran, 1997.
- 13 Muhammad Izuan Bin Abdul Rahman, *Peranan Pemerintah dan Golongan Intelektual Dalam Memperjuangkan Identiti dan Kedaulatan Johor, 1862-1957* (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2015.
- 14 Kassim Thukiman, *Sejarah Johor dalam Pelbagai Perspektif*, Johor Bahru: Penerbit UTM, 2011.
- 15 Abd. Jalil Borham, *Pengaruh Khilafah Othmaniyyah Turki dalam Pentadbiran Kerajaan Johor bagi Memartabatkan sebuah Negara Islam Merdeka di Asia Tenggara*. Kertas Kerja Ucaptama Simposium Isu-isu Sejarah dan Tamadun Islam (SISTI 2011) Peringkat Kebangsaan di Sudut Wacana ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor pada 8-10 April 2011.
- 16 Ermy Azziaty Rozali, *Turki Uthmaniyyah: Persepsi dan Pengaruh dalam Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016.

kemudiannya disebutkan sebagai rantau Asia Tenggara oleh pengkaji Barat pasca Perang Dunia Kedua khususnya daripada pengkaji Amerika Syarikat. Rantau ini menjadi pentas kepada persaingan kuasa Barat pada kurun ke-19 lanjutan daripada penjelajahan dan penerokaan kuasa tersebut sejak dari tempoh awal moden yang terbukti bermula dari penghujung kurun ke-14 hingga dekad-dekad awal kurun ke-19. Kuasa Barat berkenaan terdiri daripada Britain, Belanda, Perancis dan Sepanyol di samping Portugis, Jerman serta Amerika Syarikat yang semakin memperluaskan lingkungan pengaruhnya di rantau ini. Pada dasarnya rantau ini merupakan laluan kepada empayar jajahan kuasa berkenaan di bahagian timur dan barat yang menjadi perkara penting untuk kedudukan masing-masing.<sup>17</sup>

Pada 4 Mac 1824 misalnya, Perjanjian Inggeris-Belanda telah termeterai di London yang membahagikan rantau ini kepada dua lingkungan pengaruh iaitu dari Singapura hingga ke utara untuk kerajaan British manakala di bahagian selatan Singapura hingga ke Hindia Timur untuk kerajaan Belanda.<sup>18</sup> Kawasan dari Melaka hingga ke utara Tanah Melayu telah dikhususkan untuk pihak British hingga menjadikan kuasa imperialis tersebut sebagai kuasa tunggal dan sukar untuk dicabar pengaruhnya oleh mana-mana kuasa Barat lain. Bukan itu sahaja, Sir Thomas Stamford Raffles telah menggesa kerajaan British supaya mengekang sebarang percubaan daripada peluasan pengaruh oleh kuasa lain ke atas Singapura terutamanya Amerika Syarikat yang dilihat seringkali mencabar British dari segi kegiatan dagangan.<sup>19</sup> Pada 1826 pula, Negeri-negeri Selat telah dibentuk dengan mencakupi kawasan Singapura, Melaka dan Pulau Pinang yang menjadikan kedudukan British semakin kukuh dari segi penguasaan laluan laut meskipun pada tempoh ini belum ada campur tangan secara langsung terhadap hal ehwal negeri-negeri Melayu.

Dalam persaingan yang semakin sengit itu, kuasa Barat lain turut hadir meluaskan pengaruh masing-masing di rantau ini khususnya Amerika Syarikat, Perancis dan Belanda. Amerika Syarikat misalnya telahpun terlibat dengan konflik bersenjata apabila berlakunya isu di Kuala Batu pada 1831-1832. Konflik terbabit tercetus apabila angkatan perdagangan Amerika Syarikat di bawah kepimpinan Commodore John Downes bersama armada *United States Frigate Potomac* telah diserang oleh beberapa perompak di perairan Kuala Batu (yang terletak di Aceh pada hari ini) lalu melibatkan serangan balas oleh kuasa tersebut.<sup>20</sup> Menjelang 1850-an, British dan Belanda kemudiannya terlibat dalam mendapatkan wilayah Sumatera bagi kepentingan geostrategik dan ekonomi di rantau ini sehingga berlanjutan pada 1896.<sup>21</sup> Perhitungan kuasa Barat ini kemudiannya ditambah melalui kejayaan Perancis menguasai wilayah Indochina selepas imperialis Barat berkenaan berjaya menguasai kerajaan tersebut

---

17 C. D. Cowan, *Nineteenth Century Malaya: The Origins of British Political Control*. London: Oxford University Press, 1961, hlm. 5.

18 Perjanjian ini turut disebut sebagai Perjanjian London yang melibatkan George Canning (Setiausaha Pejabat Luar) serta Charles Williams-Wynn (Presiden Lembaga Kawalan) sebagai wakil Britain dan Hendrik Fagel (Duta Belanda ke London) serta Anton Reinhard Falck (Pegawai Diplomat) yang mewakili pihak Belanda. Rujuk, FO 93/46/17, Treaty, Territorial Arrangements and Commerce, East Indies [Also Known as the Anglo-Dutch Treaty- or the treaty of London, 17 March 1824, London: The National Archives.

19 Syed Hussein Alatas, *Thomas Stamford Raffles: Schemer or Reformer?*, Singapore: National University of Singapore, 2020, hlm. 71.

20 Farish A. Noor, *The Other Malaysia: Writings on Malaysia's Subaltern History*, Kuala Lumpur: Silverfishbooks, 2002, hlm. 40.

21 Anthony Reid, *The Contest for North Sumatra: Aceh the Netherlands and Britain 1858-1898*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016, hlm. 281.

melalui perjanjian Saigon pada 5 Jun 1862.<sup>22</sup> Kerancangan penguasaan terhadap kerajaan di rantau ini turut diperlihatkan melalui penjajahan British ke atas Burma selepas mereka berjaya mengembangkan Dinasti Kombaung melalui siri-siri peperangan pada 1820-an hingga 1840-an di samping penguasaan mereka ke atas Sarawak melalui James Brooke pada 1839.<sup>23</sup>

Selain itu, lingkungan pengaruh kuasa Barat pada peringkat serantau turut diterjemahkan melalui Perjanjian Bowring pada 1855 antara pihak British dengan kerajaan Thailand. Perjanjian Bowring ialah nama yang diberikan kepada perjanjian yang ditandatangani pada 18 April 1855 antara United Kingdom dengan Kerajaan Siam yang melonggarkan syarat perdagangan asing di Siam.<sup>24</sup> Perjanjian itu ditandatangani oleh lima duta besar Siam (antara mereka ialah Wongsu Dhiraj Snid yang merupakan kerabat Maharaja Siam) dengan wakil pihak British, Sir John Bowring yang merupakan Gabenor Hong Kong. Pedagang British diletakkan di bawah bidang kuasa konsulat dan perkara ini adalah untuk pertama kalinya Siam memberikan kewajipan wilayah tambahan kepada pihak asing. Para pedagang British diberi hak untuk berdagang secara bebas di semua pelabuhan dan dibenarkan untuk menetap di Bangkok. Perjanjian Bowring ini kemudiannya boleh dinyatakan sebagai asas untuk pihak British meletakkan platform “satelit pemerhati” kepada segala hal ehwal yang berlaku di negeri-negeri Melayu lain seperti Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu, Kelantan dan Pahang.

Persaingan ini kemudiannya semakin dipergiat selepas 1870 apabila wujudnya imperialisme baru oleh kuasa Barat seiring dengan cita-cita memperoleh keuntungan ekonomi. Pada tempoh ini, satu-persatu kuasa Barat mulai memperluaskan pengaruh penjajahan mereka berteraskan tuntutan kapitalisme yang melihat rantau ini sebagai tapak perolehan ekonomi yang begitu menguntungkan. Pada tempoh ini juga muncul kuasa baru seperti Jerman yang ingin menguasai perdagangan di bahagian laluan Selat Andaman (Thailand) dan kemudiannya Pulau Langkawi untuk pangkalan geostrategik mereka.<sup>25</sup> Amerika Syarikat juga didorong oleh cita-cita meluaskan penguasaan kawasan komersial yang diperkukuhkan dengan prinsip-prinsip Protestan yang cuba memurnikan setiap kegiatan peluasan wilayah. Dalam konteks ini, sarjana pada awal seperti J. A. Hobson telah menyebutkan dalam karya beliau, *Imperialism: A Study* dengan kenyataan:

*Imperialism, as we see, implies the use of the machinery of government by private interests, mainly capitalists, to secure for them economic gains outside their country. The dominance of this factor in public policy imposes a special character alike upon expenditure and taxation.*<sup>26</sup>

Melalui kenyataan dari Hobson itu, elemen kapitalisme dalam idea imperialisme baru dilihat sebagai “*special character*” yang menjadi motif dalam penjajahan yang dilancarkan. Setiap daripada kuasa Barat itu semakin giat mencari dan menguasai tanah jajahan sama ada

- 
- 22 J. A. G. Burette, *French Influence Overseas: the Rise and Fall of Colonial Indochina* (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan), Louisiana State University and Agricultural and Mechanical College, 2007, hlm. 18.
- 23 Abu Talib Ahmad, *Sejarah Myanmar*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000, hlm. 112.
- 24 B. J. Terwiel, *The Bowring Treaty: Imperialism and The Indigenous Perspective*, Canberra: The Australian National University, 1991, hlm. 6.
- 25 Tarek Abd El-Hamid Ahmed Amin, *Anglo-German Rivalry in the Malay Peninsula and Siam, 1870-1909* (Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan), Universiti Malaya, 1995, hlm. 162.
- 26 J. A. Hobson, *Imperialism: A Study*, New York: James Pot & Company, 1902, hlm. 94.

di bahagian hemisfera Barat dan hemisfera Timur sepanjang laluan Pasifik hingga ke bahagian tanah besar dan gagasan kepulauan Melayu serta Borneo. Ekspedisi imperialisme baru ini kemudiannya turut disulami dengan penyebaran pengaruh Kristian beraliran Protestan dari Amerika Syarikat dan British melalui pintu masuk Singapura, Melaka dan Pulau Pinang menerusi peranan yang dimainkan oleh para mubaligh di samping rahib perempuan.<sup>27</sup> Dalam keadaan ini, di manakah letaknya kerajaan Johor sebagai sebuah kawasan yang berdaulat? Bagaimanakah reaksi golongan pemerintah di bawah kepimpinan Maharaja Abu Bakar terhadap perkembangan yang berlaku ini? Sememangnya Maharaja Abu Bakar dan barisan kepimpinannya telah memperlihatkan reaksi tersendiri dengan membangun serta memodenkan pentadbiran kerajaan Johor di samping mewujudkan hubungan luar yang baik dengan kuasa tertentu.

Pada peringkat ini, pemodenan pentadbiran di peringkat domestik adalah penting untuk mempertahankan kerajaan Johor daripada jatuh ke tangan kuasa Barat terutamanya British. Percaturan strategi ini bermula apabila Maharaja Abu Bakar telah bersedia mewujudkan barisan Jemaah menteri untuk mentadbir hal ehwal kerajaan Johor bagi memperkemas urusan politik serta ekonomi. Barisan jemaah kerajaan Johor ini terdiri daripada Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan, pentadbir di setiap daerah dan hal ehwal agama diletakkan di bawah pengurusan Yang Dipertua Agama kerajaan Johor serta mufti.<sup>28</sup> Jaringan ketersampaian dari segi jalan raya dan kemudahan pos serta mahkamah-mahkamah pengadilan telah diperkemas untuk memudahkan urusan pentadbiran. Tidak cukup dengan itu, pasukan keselamatan yang terdiri daripada *Johore Military Forces* (JMF) dan *Johor Volunteers Forces* (JVF) turut diperkenalkan oleh kerajaan Johor sebagai satu bentuk pemodenan pentadbiran selain daripada penambahbaikan soal keselamatan.<sup>29</sup>

Pusat pentadbiran Johor juga semakin diperkemas di bahagian Johor Bahru selepas perpindahannya dari Teluk Belanga di Singapura sewaktu era Raja Temenggung Tun Daeng Ibrahim lagi. Perkara ini penting bagi mengelakkan pertindanan antara kawasan pentadbiran kerana Teluk Belanga terletak di Singapura yang merupakan sebahagian daripada NNS manakala pentadbiran di Johor Bahru membolehkan pentadbiran kerajaan Johor berdiri dengan sendiri tanpa dihipit pengaruh asing.<sup>30</sup> Lebih bermakna, apabila identiti kerajaan Johor di bawah pemerintahan Maharaja Abu Bakar turut dicirikan dengan identiti sebuah kerajaan Islam selaras dengan wasiat oleh ayahanda baginda, Temenggung Daeng Ibrahim yang secara jelas menyebutkan bahawa kerajaan Johor merupakan sebuah kerajaan Islam.

Dari segi pembangunan rakyat dengan elemen pendidikan, Maharaja Abu Bakar turut membina sekolah untuk murid-murid lelaki dan tidak terkecuali murid-murid perempuan meskipun ketika itu Maharaja Abu Bakar sendiri mengakui bahawa kebanyakan ibu bapa masih lagi terikat dengan adat yang hanya meletakkan golongan perempuan untuk menguruskan rumahtangga.<sup>31</sup> Ternyata semua perkara yang disebutkan ini sedikit sebanyak telah menambah baik dan memodenkan pentadbiran kerajaan Johor yang membolehkan kerajaan ini terpelihara

27 J. Baker, *The Eagle in The Lion City: America, Americans and Singapore*, Singapore: Landmark Books Pte Ltd., 2005, hlm. 71.

28 Ahmad Fawzi Basri, *Johor 1855-1917: Pentadbiran dan Perkembangannya*, hlm. 40.

29 Mohd Samsudin, Tawarikh yang Maha Mulia Ibrahim Sultan Johor: Sebuah karya sejarah negeri Johor dalam Zaman, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, Jil. 40, Bil. 2, 2013, hlm. 81.

30 Kassim Thukiman, *Sejarah Johor dalam Pelbagai Perspektif*, hlm. 122.

31 J/SUK 11, State Secretariat Letterbook, 1885-1893, Sultan Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, 29 Oktober 1887, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

kedaulatannya daripada sebarang campur tangan penjajah asing. Situasi ini tampak lebih signifikan apabila Maharaja Abu Bakar berusaha untuk membentuk hubungan luar yang lebih positif dengan kerajaan lain untuk membolehkan kerajaan Johor terus berdaulat dan merdeka.

### **Pengukuhan Hubungan Luar Melalui Perjanjian Diplomatik**

Bagi mewujudkan satu dasar luar yang kukuh dan memiliki manfaatnya untuk kerajaan Johor, Maharaja Abu Bakar telah menggunakan pendekatan perjanjian diplomatik dengan kerajaan lain. Perjanjian diplomatik ini berfungsi sebagai instrumen yang menyelesaikan sebarang permasalahan di samping mengelakkan apa-apa permasalahan yang mungkin tiba. Strategi melalui hubungan luar ini secara asasnya telah dimulai oleh ayahanda baginda seawal 1858 apabila kerajaan Johor menjalinkan hubungan luar dengan pihak British khususnya dengan pihak Gabenor di Pulau Pinang melalui pembekalan senjata untuk tujuan keselamatan. Bagi merealisasikan perjanjian ini sebagai satu yang terbukti dan bukannya retorik, kerajaan Johor pada masa itu telah memperoleh peralatan Enfield Rifles dari England pada masa itu.<sup>32</sup> Asas hubungan inilah kemudiannya diwarisi oleh Maharaja Abu Bakar terutamanya hubungan dengan negeri-negeri Melayu dan pihak British itu sendiri.

Dari segi hubungan luar dengan negeri-negeri Melayu, *Pahang & Johore Treaties 1862* merupakan bukti jelas yang menunjukkan dasar luar oleh Maharaja Abu Bakar. Perjanjian yang dimaterai ini bukan sahaja memperakui kedaulatan antara kedua-dua belah kerajaan terlibat tetapi perkara ini berkait dengan soal persempadanan geografi yang melibatkan batas-batas wilayah masing-masing dalam ikatan “*peace and friendship*”. Penetapan ini penting bagi mengelakkan sebarang pertikaian atau pertindihan tuntutan kawasan-kawasan sempadan kerajaan yang pada masa itu ditentukan dengan bentuk muka bumi terutamanya pemisahan kawasan melalui sungai-sungai. Melalui perjanjian tersebut, perkara berkaitan persempadanan disebutkan sebagai:

*Whereas doubts have been expressed by others as to the boundary between the two countries of Johore and Pahang, it is hereby declared that the river Indow has been therefore and shall continue hereafter to be the boundary on the Mainland, and that the Island of Pulo Tioman and all Island to the south of the latitude of its northern extremity are, and shall be, portions of the Territory of Johore, and all Islands to the North of that latitude are, and shall be, portions of the Territory of Pahang.*<sup>33</sup>

Melalui fasal keempat perjanjian berkenaan, sungai Endau yang merupakan sebahagian daripada kawasan sempadan Mersing dan Pahang hari ini dinyatakan sebagai pemisah sempadan antara kedua-dua kerajaan. Bahagian kepulauan yang menganjur ke kawasan selatan menjadi milik kerajaan Johor manakala yang menganjur ke bahagian utara

---

32 J/SUK 1, Maharajah of Johore Letter Book, 1855-1868, H. H. Daeng Ibrahim Sri Maharajah, Temenggong of Johore to the Hon. E. A. Blundell, Governor of prince of Wales of Island, Singapore and Malacca, 11 Disember 1858, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

33 Perjanjian, Pahang & Johore 1862, Dlm, Treaties and Engagements, entered into with or affecting the Native States of the Malayan Peninsula Part III – Treaties and Arrangements with Johore and Pahang, 1877, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

yang turut melibatkan Pulau Tioman menjadi milik kerajaan Pahang. Jauh daripada itu, soal persempadanan NNS telah pun diselesaikan sewaktu era Temenggung Abdul Rahman yang merupakan nenda kepada Maharaja Abu Bakar menerusi penyelesaian dengan Gabenor NNS di Singapura.<sup>34</sup>

Dalam masa yang sama, penyelesaian terhadap sempadan daerah Muar dan kemudiannya sempadan dengan Johol (Negeri Sembilan) turut diselesaikan melalui pendekatan hubungan luar oleh Maharaja Abu Bakar.<sup>35</sup> Dokumen seperti Peringatan mengenai sempadan antara Muar dan Johol dan Pahang merupakan bukti bertulis yang memutuskan persempadanan di bahagian utara kerajaan Johor pada masa itu. Hal ini penting bagi mengelakkan sebarang pertikaian dengan kerajaan Negeri Sembilan yang pada masa itu telahpun jatuh ke tangan British sebagai sebahagian daripada Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Tindakan oleh Maharaja Abu Bakar ini adalah penting untuk mencorakkan hala tuju kerajaan Johor sebagai sebuah wilayah yang mempunyai perbatasan yang diiktiraf bagi memudahkan sebarang kegiatan pemetaan seperti yang diarahkan oleh baginda kepada Dato' Muhammad bin Perang. Usaha daripada baginda ini mempunyai persamaan dengan tindakan oleh Presiden ketiga Amerika Syarikat yang telah membuat pemetaan untuk negaranya selepas perolehan wilayah Louisiana melalui pengiraman Misi Lewis dan Clark pada 1803.<sup>36</sup>

Selain itu, Maharaja Abu Bakar turut mewujudkan hubungan luar dengan membentuk perjanjian diplomatik dengan kerajaan British khususnya pada tahun 1885. Perjanjian ini sememangnya memberi kesan penting untuk mengekalkan kemerdekaan kerajaan Johor di samping jaminan keselamatan daripada ancaman kuasa Barat lain yang sememangnya sedang mengintai peluang untuk menguasai wilayah di bahagian selatan tanah air itu. Perjanjian Persahabatan 1885 ini begitu signifikan pada saat negeri-negeri Melayu lain telah jatuh ke tangan British selepas perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874 yang dimulai dengan Perak sebelum penjajahan ke atas Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Antara perincian dalam perjanjian tersebut termasuklah:

*The two Governments with at all times cordially co-operate in the settlement of a peaceful population in their respective neighbouring territories, and in the joint defence of those territories from external hostile attacks and in the mutual surrender of persons accused or convicted of any crime or offence, under such conditions as may be arranged between the two Governments.*<sup>37</sup>

34 J/SUK 1 S. 222, Surat-surat pelbagai daripada Setiausaha Kerajaan Johor, Perjanjian Kerajaan Johor dengan Kerajaan Negeri Selat berkenaan dengan sempadan perairan Johor/Singapura, 19 Oktober 1927, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia cawangan Johor.

35 J/SUK 1 S. 137, Surat-surat pelbagai daripada Setiausaha Kerajaan Johor, Peringatan mengenai sempadan diantara Muar dan Johol dan Pahang, 7 November 1887, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia cawangan Johor.

36 Pembelian tersebut mendapat kelulusan Kongres dengan bayaran AS\$15 juta kira-kira 3 sen seekar kepada pihak Perancis. Akan tetapi, dalam tempoh 100 tahun selepas pembelian itu, Amerika Syarikat perlu membayar sekitar AS\$300 juta kepada penduduk peribumi (*red Indian*) yang turut membabitkan perjanjian dan peperangan. Rujuk, R. J. Miller, *Native America, Discovered and Conquered: Thomas Jefferson, Lewis & Clark and Manifest Destiny*, Westport: Praeger, 2006, hlm. 71-72.

37 Perjanjian Persahabatan 1885, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

Frasa “*cordially co-operate*” dalam perjanjian itu memberi isyarat bahawa kerajaan Johor merupakan sahabat kepada kerajaan British dan rentetan daripada itu, soal keselamatan Negeri Johor turut diberikan jaminan oleh kuasa imperialis berkenaan. Keupayaan Maharaja Abu Bakar dalam menyepakati perjanjian ini memberi pulangan hasil dalam dua perkara iaitu pengukuhan soal keselamatan domestik di samping benteng daripada sebarang ancaman luar. Frasa-frasa ini bukanlah retorik semata-mata kerana kerajaan Johor kemudiannya berupaya membina sistem pertahanan dan keselamatan khususnya melalui pelantikan Tuan Newland sebagai Kapten Askar Johor.<sup>38</sup> Melalui peranan tersebut, penyelarasan dan penambahbaikan dari segi pengurusan Johor Military Force serta pasukan polis dapat ditambah baik seiring dengan keperluan pada masa itu.<sup>39</sup> Sekiranya diteliti, usaha Maharaja Abu Bakar memodenkan sistem pertahanan kerajaan Johor ini seiring dengan tindakan yang dibuat oleh pemimpin lain khususnya Maharaja Chulalongkorn yang turut memodenkan angkatan tentera Thailand dari segi jumlah, corak latihan dan persenjataan.<sup>40</sup> Justeru, perjanjian persahabatan dengan kerajaan British ini meskipun membataskan hubungan Johor dengan kuasa lain tetapi masih memberi pulangan positif.

Dalam situasi ini, mungkin timbul beberapa persoalan, apakah kewujudan bantuan latihan ketenteraan itu hanya bersifat sementara sewaktu era Maharaja Abu Bakar sahaja? Jika tidak, bagaimanakah kesinambungan perkara tersebut boleh dilihat dalam tempoh selanjutnya? Perkara ini ternyata bukanlah terhad sewaktu era Maharaja Abu Bakar, bahkan turut berpanjangan sehingga tempoh pemerintahan anakanda beliau, Sultan Ibrahim. Pada 1900 misalnya, angkatan JMF telah mendapat penghormatan untuk terlibat sama dalam perbarisan tentera di Singapura melalui undangan khas oleh pihak British.<sup>41</sup> Pada tahun 1915 pula misalnya angkatan JMF ini telah memainkan peranan sewaktu menjaga perairan Johor daripada diceroboh oleh sepai India (*5th Light Infantry India*) yang melancarkan penentangan ke atas pihak British melalui kem tentera di Singapura.<sup>42</sup> Pada dasarnya, penentangan ini berlaku apabila pihak British di Singapura mengarahkan supaya tentera India yang beragama Islam mencuci peluru yang digunakan dengan minyak daripada khinzir yang sememangnya diharamkan dalam Islam manakala sepai beragama Hindu dikehendaki menggunakan minyak daripada lembu yang dianggap suci oleh penganut tersebut.<sup>43</sup>

Dari segi jaminan keselamatan daripada ancaman kuasa luar, perjanjian persahabatan antara kerajaan Johor dengan kerajaan British terlihat melalui peristiwa tuntutan bagi kawasan ladang oleh Adolph G. Studer di Muar. Peristiwa ini berlaku apabila Studer (Pegawai Konsulat Amerika Syarikat di Singapura 1871-1893) telah membuat tuntutan tanah bagi

---

38 J/SUK 1 45, Daftar Salinan Surat-surat Dato' Menteri Johor, 1886-1891, Tuan Newland dijadikan Guru dan Kaptain Askar Johor dan Tuan Kerr diminta layanan apa-apa jua permohonan daripadanya, 20 April 1887, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia cawangan Johor.

39 Ibid.

40 B. R. O' G. Anderson, Study of Thai, Dlm, E. B. Ayal (ed.), *The Study Of Thailand: Analyses Of Knowledge, Approaches And Prospects In Anthropology, Art History, Economics, History, And Political Science*, Papers in International Studies, Southeast Asia Series, No. 54, Ohio: Ohio University Center for International Studies, 1978, hlm. 27.

41 J/SUK 1 141, State Secretariat Letter Book, 1900-1902, Band Instruments Presented to Singapore Volunteer Corps, 6 Julai 1901. Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia cawangan Johor.

42 Mohd Samsudin, *Tawarikh yang Maha Mulia Ibrahim Sultan Johor*, hlm. 87.

43 A. Jones, *Internal Security in British Malaya, 1895-1942* (Tesis Kedoktoran yang diterbitkan), Connecticut: Yale University, 1976, hlm. 145.

tujuan penanaman tembakau dan perkara ini menjadi pertikaian kerana Muar berada di bawah kawasan Sultan Ali yang merupakan waris kepada Sultan Hussein. British telah bertindak sebagai orang tengah dalam perkara ini dalam menyelesaikan konflik tersebut dengan berpihak kepada Maharaja Abu Bakar apabila Studer mengemukakan perkara ini ke mahkamah Washington.<sup>44</sup> Dalam hal ini, keberadaan British sedikit sebanyak telah membolehkan kerajaan Johor di bawah pemerintahan Maharaja Abu Bakar dapat mengelakkan daripada konflik yang lebih serius dengan pihak Amerika Syarikat.

Strategi hubungan luar melalui perjanjian diplomatik ini sememangnya banyak memberi keuntungan kepada kerajaan Johor di bawah pemerintahan Maharaja Abu Bakar. Keupayaan baginda untuk membentuk perjanjian terbabit tidak dapat dinafikan kepentingannya dalam usaha mempertahankan kedaulatan dan keselamatan kerajaan Johor itu sendiri. Tidak keterlaluan sekiranya dikatakan bahawa peranan baginda ini mirip dengan pemimpin sezaman baginda di Eropah iaitu Otto Von Bismarck pasca penyatuan Jerman, 1871.<sup>45</sup> Pendekatan Bismarck yang bersifat realpolitik dengan mengadakan perjanjian-perjanjian penting melibatkan kuasa Eropah lain bagi memastikan kestabilan Jerman sedikit sebanyak tercermin dalam tindakan Maharaja Abu Bakar yang disebutkan sebelum ini. Pada saat negeri-negeri lain di Tanah Melayu jatuh ke tangan penguasaan British tetapi kerajaan Johor masih berupaya mengekang imperialisme tersebut melalui perjanjian persahabatan yang telah dinyatakan tadi.

### **Pengukuhan Hubungan Luar Melalui Lawatan Diplomatik**

Lawatan Maharaja Abu Bakar ke kerajaan Uthmaniyyah dan kunjungan Maharaja Kalakaua ke Johor merupakan lambang kepada pengukuhan hubungan luar. Kedua-dua lawatan yang disebutkan ini mengandungi manfaat tersendiri dari segi perolehan ilmu pengetahuan di samping penghargaan daripada kerajaan lain yang puluhan ribu batu jauhnya dari kerajaan Johor. Dari segi lawatan ke atas kerajaan Uthmaniyyah, perkara ini penting atas dasar hubungan kerajaan Islam yang ketika itu berada di bawah pemerintahan Khalifah Sultan Abdul Hamid II. Melalui hubungan dengan wakil dari kerajaan Hawaii pula, lawatan oleh Maharaja Kalakaua pada 1881 itu penting sebagai tanda persahabatan dalam jaringan hubungan antarabangsa. Perlu ditegaskan bahawa, lawatan bersifat diplomatik ini tidak lain hanyalah untuk memperlihatkan kesungguhan Maharaja Abu Bakar memperkenalkan nama kerajaan Johor kepada kerajaan luar seperti yang turut ditunjukkan oleh kerajaan sezaman iaitu kerajaan Jepun. Sebagai contoh, kerajaan Jepun di bawah pimpinan Maharaja Mikado Meiji turut menerima kunjungan diplomatik daripada wakil kerajaan Uthmaniyyah di samping pengirisan delegasi Iwakura ke Eropah bagi mendalami aspek-aspek pemodenan.

Untuk memperincikan persamaan tersebut, Maharaja Meiji telah menerima kunjungan yang diketuai oleh Osman Pasha yang berlayar dengan kapal *al-Tughral* dari kerajaan Uthmaniyyah yang dikirimkan khas oleh Sultan Abdul Hamid II sebagai tanda

---

44 Muhammad Naim Fakhirin, et. al. Reaksi British terhadap Pertikaian Konsul Amerika Syarikat dan Johor, 1870-1905, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, Jil. 47, Bil. 3, 2020, hlm. 101.

45 F. Stern, *Gold and Iron: Bismarck, Bleichroder, and the Building of the German Empire*, New York, Vintage, 1979, hlm. 446.

hubungan baik antara kedua-dua kerajaan.<sup>46</sup> Meskipun dari segi peradaban dan kepercayaan kedua-dua kerajaan ini berbeza, tetapi nilai di sebalik kunjungan diplomatik itu melampaui kedua-dua perkara tersebut kerana perkara ini melambangkan ikatan persahabatan antara dua buah kerajaan yang berlainan benua serta bangsa. Bagi delegasi Iwakura pula, kerajaan Jepun menerima manfaat yang cukup besar apabila delegasi tersebut kemudiannya membawa pulang dapatan dalam bentuk ilmu pengetahuan untuk kemajuan di Jepun.<sup>47</sup> Justeru, tindakan Maharaja Abu Bakar yang dinyatakan sebelum ini bukanlah satu perkara asing bagi kerajaan di benua Asia pada penghujung kurun ke-19 kerana kerajaan seperti Jepun turut melakukan perkara yang sama. Dalam hal ini, hubungan luar yang terjalin antara kerajaan Johor dengan kuasa besar lain pada era kepimpinan Maharaja Abu Bakar merupakan satu usaha diplomatik dalam mengangkat kedaulatan kerajaan Johor itu sendiri.

Dalam konteks hubungan dengan kerajaan Hawaii, sememangnya kunjungan oleh Maharaja Kalakaua pada 1881 adalah satu perkara yang cukup bermakna bagi kerajaan Johor. Meskipun dari segi geografi, kedua-dua kerajaan terletak secara berjauhan iaitu kerajaan Hawaii di bahagian laluan pasifik dan kerajaan Johor di rantau Alam Melayu, tetapi perkara berkenaan bukanlah penghalang kepada wujudnya sebuah hubungan diplomatik. Maharaja Kalakaua bersama-sama delegasinya telah menghadap Maharaja Abu Bakar di istana dalam satu sambutan yang cukup terhormat pada bulan Ogos 1881 sebaik sahaja delegasi tersebut tiba. Dalam nota lawatannya, Maharaja Kalakaua menyifatkan Maharaja Abu Bakar sebagai pemimpin yang mempunyai kebijaksanaan dalam membangunkan kerajaan di samping perwatakan pemimpin yang berkelakuan baik.<sup>48</sup> Keadaan ini memperlihatkan satu pengiktirafan daripada sebuah kerajaan luar kepada pimpinan kerajaan Johor sebagai sebuah kerajaan yang moden di rantau Alam Melayu pada kurun ke-19. Buktinya, Maharaja Abu Bakar telah menerima penghormatan melalui penganugerahan Bintang Kebesaran *Grand Cross of the Royal Order of Kalakaua* dalam kunjungan tersebut.<sup>49</sup> Penganugerahan berkenaan bertepatan dengan bahagian awal perlembagaan kerajaan Hawaii yang menyebutkan:

*We, Kalakaua, by the Grace of God, and by the election of the Legislature of the Hawaiian Islands, King: being desirous of commemorating Our election to the Throne and of manifesting Our appreciation of services rendered, and to be rendered to Our country, to Ourselves and to Our Successors, and having for this purpose resolved to establish an Order of Merit, do by virtue of the authority in Us vested by the 35<sup>th</sup> Article of Our Constitution.. The Order of Kalakaua is hereby established for the recompense of distinguished merit, and services rendered to the State, or to Ourselves or Our Successors... The Reigning Sovereign, or whosoever shall in his name discharge the office of Regent, shall at all times be the Grand Master of the Order.*<sup>50</sup>

46 Salih M. Samarrai, Sejarah dan Perkembangan Dakwah di Jepun, *Jurnal Usuluddin*, Jil. 12, 2000, hlm. 173.

47 I. Nish, *The Iwakura Mission in America and Europe A New Assessment*, New York: Routledge, 1998, hlm. 25.

48 J/RAJA 7. Jabatan Diraja Johor. Extract from Around the world with a king (visit to Johore by King Kalakaua of Hawaii in 1881, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

49 J/SUK 1 S. 110, Surat–Surat Pelbagai daripada Setiausaha Kerajaan Johor, Surat Kurnia Bintang Kebesaran Grand Cross of the Royal Order of Kalakaua kepada DYMM Maharaja Johor, 23 Ogos 1881, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

50 *Ibid.*

Menerusi petikan tersebut, penganugerahan darjah kebesaran oleh Maharaja Kalakaua kepada penerimanya adalah satu lambang pengiktirafan yang mempunyai prestij tersendiri. Selain tanda persahabatan, Maharaja Abu Bakar turut dipandang sebagai pemimpin berdaulat kerana sekiranya keabsahan kedudukan seorang pemerintah itu tidak menerima pengiktirafan, sudah tentu kerajaan yang diperintahnya tidak layak untuk diakui sebagai kerajaan berdaulat. Sewaktu kunjungan itu juga, Maharaja Abu Bakar telah mengurniakan “*green and gold copy of Quran*” sebagai lambang penghormatan dari sebuah kerajaan Islam ke atas kerajaan lain meskipun mempunyai perbezaan dari segi agama.<sup>51</sup> Dengan itu, timbul persoalan, apakah kepentingan hubungan antara kedua-dua kerajaan dalam konteks jangka masa panjang dan kedudukan semasa kerajaan Johor itu sendiri? Perkara ini jelas mempunyai manfaat apabila hubungan tersebut memperlihatkan kerajaan Johor sebagai sebuah pemerintahan yang dihormati manakala dalam jangka masa panjang, hubungan berkenaan berkesinambungan sehinggalah awal era pemerintahan Sultan Ibrahim iaitu pengganti Maharaja Abu Bakar.

Selain daripada penerimaan lawatan diplomatik daripada kerajaan Hawaii, Maharaja Abu Bakar sendiri turut melakukan lawatan ke luar kerajaan Johor bagi mengukuhkan hubungan luar dengan kerajaan tertentu. Baginda misalnya, telah membuat lawatan ke London, Itali dan Jerman sebagai tanda hubungan baik antara kerajaan pada masa itu.<sup>52</sup> Lebih penting, baginda turut berkunjung ke kerajaan Uthmaniyyah yang pada waktu itu diperintah oleh Sultan Abdul Hamid II yang sedang memperluaskan idea Pan-Islamisme untuk penyatuan umat Islam. Kunjungan hormat ini telah mengeratkan hubungan antara dua buah kerajaan Islam yang pada masa itu sedang menghadapi imperialisme Barat yang datang dari pelbagai penjuru. Seperti yang pernah disifatkan oleh sarjana Michael Francis Laffan, perkara ini boleh dilihat sebagai ikatan “*the umma below the winds*” yang dicirikan dengan hubungan diplomatik kebudayaan dan jalinan sesama Muslim antara dunia Melayu dengan bahagian timur tengah.<sup>53</sup>

Pada tahun 1893, Maharaja Abu Bakar telahpun pergi ke Istanbul. Kunjungan baginda adalah untuk menjalinkan hubungan diplomatik dan mendapat sambutan yang baik daripada Sultan Abdul Hamid II. Semasa lawatan tersebut, Maharaja Abu Bakar dikurniakan bintang kebesaran Uthmanli Darjah Pertama oleh Sultan Abdul Hamid II sebagai penghargaan daripada dawlah Turki Uthmaniyah. Bintang kebesaran Turki Uthmaniah masih tersimpan dan dipamerkan di Muzium Diraja Sultan Abu Bakar, Johor Bahru.<sup>54</sup> Peristiwa ini turut dimuatkan dalam Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar: Kajian Transliterasi dan Terjemahan Bahasa Inggeris:

Yang Maha Mulia berjumpa dengan Yang Maha Mulia Sultan Abdul Hamid Khan di Costantinople. Maka terimalah oleh baginda dengan sebaik-baik terimaan serta diraikan dengan secukup-cukupnya kerana amatlah gemar Yang Maha Mulia Sultan Turki itu melihatkan seorang raja sebelah timur begitu baik bawaan dan aturannya

- 
- 51 J/RAJA 7, Jabatan Diraja Johor. Extract from *Around the world with a king* (visit to Johore by King Kalakaua of Hawaii in 1881; lihat juga, W. N. Armstrong, *Around the World with A King, the Story of circumnavigation of His Majesty King David Kalakaua*, Tokyo: Charles E. Tuttle Company, 1977, hlm. 144.
- 52 A. Rahman Tang Abdullah, *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar*, hlm. 125.
- 53 M. F. Laffan, *Islamic Nationhood and Colonial Indonesia: The Umma below the Winds*, London: Routledge, 2003, hlm. 215.
- 54 Ermy Azziaty Rozali, *Turki Uthmaniyyah: Persepsi dan Pengaruh dalam Masyarakat Melayu*, hlm. 87; Farish A. Noor, *The Other Malaysia: Writings on Malaysia's Subaltern History*, hlm. 57.

padahal beragama Islam. Maka dihadiahkan oleh baginda sebuah bintang darjah yang pertama daripada intan dan permata-permata yang amat indah warnanya ialah bagaimana Yang Maha Mulia itu sendiri ada memakai pada hal bintang yang seumpama itu bila Yang Maha Mulia itu menganugerahkan kepada lain-lain orang hanyalah bintang itu sahaja dengan tiada bertatah.<sup>55</sup>

Secara tidak langsung kewujudan bintang kebesaran ini menjadi bukti hubungan Johor dengan dawlah Turki Uthmaniyah, terutamanya semasa pemerintahan Maharaja Abu Bakar. Dari segi perkembangan ilmu pengetahuan, kunjungan baginda ini juga telah membawa kepada idea penghasilan Majalah Ahkam Johor yang penting untuk urusan hal ehwal syariat dan muamalat bagi kerajaan Johor. Teks asal undang-undang tersebut merupakan naskhah undang-undang yang bermazhab Hanafi dan kemudiannya telah disusun semula mengikut mazhab Syafie untuk kegunaan di Johor.<sup>56</sup> Pada tahun 1913 bersamaan 1331 Hijrah, teks ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh mufti kerajaan Johor, Syed Abdul Kadir bin Mohsin Al-‘Attas untuk diedarkan bagi kegunaan qadi dan imam.<sup>57</sup> Majalah Ahkam Johor ini penuh dengan hukum-hakam berkaitan muamalat yang begitu signifikan dalam memupuk kefahaman masyarakat Melayu dalam kerajaan Johor dari bahagian pentadbiran hinggalah ke lapisan rakyat.<sup>58</sup>

Di samping itu, Maharaja Abu Bakar turut melawat Vatican City semasa kunjungan baginda ke Eropah. Lawatan ini dibuat pada 24 April 1885 dengan diiringi oleh Ajudan Kem En. Abdullah dan Setiausahanya, En. Abdul Rahman dalam pertemuan dengan Raja Umberto I di istana Quirinale dan Paus Leo XIII.<sup>59</sup> Biarpun agama anutan dalam kerajaan Johor dan Vatican City adalah berbeza, tetapi ia tidak menjadi penghalang kepada penerimaan pihak gereja terhadap rombongan Maharaja Abu Bakar. Baginda merupakan pemimpin pertama dari Alam Melayu yang melakukan kunjungan ke sana dan ia 12 tahun lebih awal daripada kunjungan Maharaja Chulalongkorn dari Siam ke Vatican City. Tindakan ini dibuat adalah untuk meninggikan prestij kerajaan Johor bahkan ia merupakan satu pengiktirafan oleh pihak luar terhadap kerajaan pimpinan baginda.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, pembentukan hubungan luar dalam era pemerintahan Maharaja Abu Bakar merupakan satu asas penting untuk kerajaan Johor sebagai sebuah kerajaan yang merdeka dari 1862 hingga 1895. Hubungan luar yang wujud ini telah memperlihatkan kerajaan Johor

---

55 A. Rahman Tang Abdullah. *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar*, hlm. 125-126.

56 Noorilham Ismail, Peranan Mufti dalam Pentadbiran Ekonomi dan Sosial Negeri Johor, 1885-1941, *KEMANUSIAAN: The Asian Journal of Humanities*, Jil. 28, Bil. 1, 2021, hlm. 34.

57 J/UG X, Majalah Ahkam Johor, 1913, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

58 Naskhah ini setebal 361 halaman yang asalnya mengandungi perkara-perkara berkaitan Mazhab Hanafi tetapi versi terjemahan bahasa Melayu telah disesuaikan dengan Mazhab Syafie untuk kegunaan bagi kerajaan Johor. Terdapat dua naskhah yang masih tersimpan sehingga hari ini setakat penemuan oleh penulis iaitu satu di Arkib Negara Malaysia cawangan Johor dan satu lagi di Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.

59 Roy Anthony Rogers, Diplomatic Ties Between Malaysia and the Holy See: A Symbol of Mutual Respect, Inter-Religious Coexistence and International Cooperation, *Inter-Religious Coexistence and International Cooperation, Intellectual Discourse*, Jil. 27, Bil. 2, 2019, hlm. 650.

sebagai satu entiti politik yang diterima bukan sahaja di rantau Alam Melayu bahkan turut disambut baik oleh kerajaan lain di dunia. Perkara tersebut turut menjadikan kerajaan Johor berbeza daripada mana-mana kerajaan lain di bahagian Semenanjung Tanah Melayu khususnya dalam penghujung kurun ke-19. Pengiktirafan daripada kerajaan lain seperti kerajaan British, khilafah Uthmaniyyah, kerajaan Hawaii, dan kerajaan negeri Melayu menunjukkan bahawa kerajaan Johor berada pada prestij tersendiri dalam kejayaannya mengekalkan kemerdekaan di samping perolehan pengiktirafan dari luar. Namun begitu, kesemua perkara yang dinyatakan itu pastinya tidak akan tercapai tanpa satu usaha diplomatik oleh seorang pemimpin dan dalam hal ini individu tersebut ialah Maharaja Abu Bakar.

Perjanjian persahabatan yang telah dibuat dengan kerajaan British pada 1885 telah menjadikan kerajaan Johor tidak terjajah oleh kuasa imperialis tersebut. Tindakan melalui perjanjian itu adalah penting di saat satu persatu negeri-negeri Melayu lain jatuh ke tangan British seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Perjanjian persempadanan dengan kerajaan Pahang pula telah memperjelas sempadan kerajaan Johor yang begitu penting bagi sebuah garis geografi untuk kerajaan Johor. Kunjungan daripada Maharaja Kalakaua dari Hawaii dan lawatan Maharaja Abu Bakar ke Istanbul pula telah memperlihatkan kerajaan Johor sebagai sebuah pemerintahan berdaulat. Tanpa sebuah kerajaan yang diiktiraf dan merdeka, adalah mustahil untuk kerajaan Johor memperoleh apa-apa perkara yang telah disebutkan sebelum ini. Dengan itu, peranan Maharaja Abu Bakar dalam mencorakkan hubungan luar kerajaan Johor dari 1862 hingga 1895 ternyata telah mengukuhkan kerajaannya sebagai identiti berdaulat di samping sebuah pemerintahan yang terkemuka.